

NOTIS SEBUT HARGA

1. Tawaran sebut harga adalah dipelawa oleh :
PEJABAT DAERAH DAN TANAH PERAK TENGAH, SERI ISKANDAR.
BAGI :
**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN DI
PEJABAT DAERAH DAN TANAH PERAK TENGAH, SERI ISKANDAR**
2. TEMPOH KONTRAK:
Mulai: 01.07.2018 hingga 30.06.2019
3. SYARAT-SYARAT KEPADA PENYEBUT HARGA :-
 - a) Tiap-tiap tawaran sebutharga hendaklah disertakan dengan jadual tawaran harga dan butir-butir latar belakang syarikat.
 - b) Dokumen Sebut Harga boleh didapati di **Kaunter Bersepadu (Kaunter 11), Pejabat Daerah dan Tanah Perak Tengah, Seri Iskandar**. Setiap dokumen tawaran dikenakan bayaran **RM10.00**. Pembelian dokumen dibuka dari **10.04.2018 hingga 19.04.2018 sebelum jam 4.30 petang**.
 - c) Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang **bermeterai** dan bertanda dengan **No. Sebut Harga** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** di Pejabat Daerah Perak Tengah, Seri Iskandar **tidak lewat dari 12.00 tengahari pada 20 April 2018 (Jumaat)**. Tawaran yang diterima lewat tidak akan dilayan.
 - d) Tiap-tiap tawaran hendaklah diakui sah oleh Penyebut Harga dan tidak boleh ditarik balik dalam masa 90 hari dari tarikh tutup tawaran.
 - e) Pihak Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang lebih rendah atau lebih tinggi atau serupa harganya dengan tawaran-tawaran yang lain.
 - f) Penyebut harga yang berjaya hendaklah bersetuju untuk menandatangani Surat Perjanjian sepertimana yang disediakan dan mematuhi segala syarat-syarat perjanjian tersebut.
 - g) Penyebut harga tidak dibenarkan menyerahkan kepada pemborong kecil bagi menguruskan kerja-kerjanya.
 - h) Penyebut harga yang berjaya akan dikenakan tempoh percubaan selama tiga (3) bulan. Sekiranya kerja-kerja yang dijalankan dalam tempoh percubaan ini tidak memuaskan maka pihak Pejabat Daerah dan Tanah, Perak Tengah, Seri Iskandar akan membatalkan kelulusan tersebut dengan sebulan notis. Sebaliknya jika didapati kerja-kerja dijalankan dengan memuaskan maka tawaran bagi kerjanya akan dilanjutkan.

Tarikh: **9.4.2018**



(MUHAMAD GHOPRAN BIN YEOP HAMZAH)
Pegawai Daerah,
Perak Tengah.